

# Penyelidik UPM kaji khasiat ikan haruan

30/7/03  
BH

Oleh Mohd Feroz Abu Bakar

## DARI FAIL R & D

SEKUMPULAN saintis Universiti Putra Malaysia (UPM) diketuai Prof Madya Dr Mohd Nazrul Hakim Abdullah menjalankan penyelidikan terhadap ikan haruan dan spesies dalam keluarga ikan itu bagi mengkaji unsur kimianya.

Selain ikan haruan (*channa striatus*), katanya, kajian berkenaan juga dilakukan terhadap toman (*channa micropeltes*) dan bujuk (*channa lucius*).

Dr Mohd Nazrul berkata, penyelidikan itu untuk mengkaji sifat kimia ikan haruan, toman dan bujuk serta memanfaatkan khasiatnya.

Berdasarkan pandangan masyarakat, terutama di kampung, beliau berkata, ikan haruan dikatakan mempunyai khasiat untuk memulihkan luka, termasuk untuk wanita yang baru bersalin.

"Selain haruan, ikan bujuk yang terkenal di Pantai Timur Semenanjung pula dikatakan 'bisa' atau tidak elok jika dimakan secara berlebihan kerana boleh menyebabkan sakit sendi.

"Jadi, kami mengkaji komponen kimia ikan haruan dan spesies dalam keluarganya

bagi mengenal pasti unsur antiradang atau untuk mengurangkan kesakitan.

"Di kalangan orang Melayu, ikan haruan dimakan untuk memulihkan radang otot atau sendi," katanya ketika ditemui di UPM Serdang, Selangor, baru-baru ini.

Graduan ijazah kedoktoran (PhD) dalam bidang farmakologi dari University of London dan Doktor Perubatan Veterinar, UPM itu berkata, kajian berkenaan dimulai tahun lalu dengan dana RM232,000 untuk tempoh tiga tahun daripada Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menerusi Skim Peningkatan Penyelidikan Bidang Tumpuan (Irapa).

Dr Mohd Nazrul dari Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan menjalankan kajian berkenaan dengan bantuan penyelidik Institut Biosains, UPM dan pelajar sarjana, Solihah Mohd Hassan, sejak tahun lalu.

Beliau menjelaskan, dapatan awal kajian itu menunjukkan ikan haruan mempunyai unsur antiradang, iaitu mengurangkan kesakitan otot.

"Kami mendapatkan ekstrak atau pati ikan ini dengan merebus dalam

air biasa atau merendamkannya dalam metanol atau klorofom. Ujian ke atas tikus yang mempunyai radang otot dan sendi menunjukkan ekstrak ikan haruan ini berjaya mengurangkan kesakitan pada haiwan itu.

"Kajian ini masih di peringkat awal kerana lebih banyak aspek yang perlu diselidik secara mendalam dan menggunakan kaedah saintifik," katanya.

Dr Mohd Nazrul berkata, matlamat kajian itu ialah menghasilkan makanan kesihatan, mungkin dalam bentuk kapsul atau cecair untuk meningkatkan kesihatan manusia.